

# Konsert *Pancaindra* di USIM

Pesta  
**KONVO**  
Utusan Malaysia Mingguan Malaysia

1-4 Disember 2011  
10.00 pagi-10.00 malam

**K**ALI terakhir *Konsert Pancaindra* berlangsung sebelum bulan Ramadan yang lalu. Ramai yang bertanya ke mana kami menghilang? Sebenarnya tak hilang, cuma berehat seketika sahaja, menghilangkan lelah dan membuka lembaran baru selepas Syawal.

Sebagai penutup untuk tahun 2011, *Konsert Pancaindra* akan kembali ke perkarangan Stadium Tertutup Nilai, bermula pukul 8.30 malam pada 3 Disember depan.

Banyak acara yang telah diatur khusus untuk pembaca *Mingguan Malaysia* yang tidak pernah putus-putus memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kami.

Kali ini, konsert diadakan sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang akan bermula pada 1 hingga 4 Disember depan.

Acara hiburan yang diatur juga cukup sesuai dengan temanya. Kalau dulu kami menyajikan hiburan daripada pelbagai genre muzik popular, kali ini kami ubah sedikit selearanya.

Konsert yang lebih bersifat ketuhanan yang akan kami sajikan. Pilihan lagu-lagu yang akan diperdengarkan kepada penonton juga sesuai sebagai santapan rohani kepada penonton yang hadir nanti.

Antara artis popular yang telah mengesahkan tempat terdiri daripada Aishah, Heliza Helmi, Aiman, Irma Hasmie dan ramai lagi.

Irma yang akan bertindak selaku pengacara konsert pada malam ini ternyata cukup teruja kerana berpeluang berjumpa secara terus dengan penonton yang akan hadir nanti.

"Saya sebenarnya cukup teruja apabila diberi peluang sebesar ini. Ini bukan soal konsert besar atau tidak tetapi saya gembira kerana dapat sama-sama meraikan majlis yang dinantikan oleh graduan dan mahasiswa di situ.

"Lagi satu konsep yang ditampilkan juga lain daripada kebiasaan. Bila konsert ini lebih terarah kepada lagu-lagu dakwah, itu memang petanda yang baik untuk semua hadirin.

"Di samping kita berhibur, kita boleh merapatkan silaturahmi dan mengambil pendekatan ini untuk berdakwah secara tak langsung dengan lagu-lagu ketuhanan yang akan dipersembahkan," jelas Irma lagi.

Selain konsert, banyak lagi acara lain yang telah diatur oleh pihak penganjur termasuklah Karnival Explorasi Kerjaya (CAREX), gerai jualan, permainan dart, studio penghias wajah, karikatur, permainan siapa cepat, jualan runtuh produk Utusan, cabutan bertuah dan banyak lagi.

Pada 3 Disember nanti, akan berlangsung beberapa

pertandingan khusus untuk penduduk di sekitar Nilai.

Antaranya pertandingan karaoke (saringan), pertandingan nasyid terbuka, pertandingan mewarna kanak-kanak, siaran langsung Gen-Y, *auto show*, *petting show*, sesi ramah mesra bersama artis popular dan demo masakan bersama chef selebriti.

Hari terakhir acara Pesta Konvo tersebut akan berlangsungnya pertandingan akhir karaoke, pertandingan memancing terbuka (Tasik USIM), pertandingan futsal, pertandingan bola jaring dan banyak lagi.

IRMA  
HASMIE



AIMAN



HELIZA  
HELMI



AISHAH

